

13/08/2003

Malaysia martabatkan budaya ilmu

Mohd Zain Abd Rahman

SETIAP kali lembaran sejarah kegemilangan Kota Baghdad dan Cordoba (Qurtubah) disingkap, umat Islam pasti bangga dan terpegun dengan pencapaian umat Islam ketika itu. Cendekiawan Islam seperti Abu Hanifah (805 Masihi), Abu Yusuf (801), al-Shafi'i (819), al-Kindi (873), al-Bukhari (870), al-Farabi (950), al-Tabari (922) dan al-Ghazzali (1111) menjadi sebutan, manakala nama khalifah Abbasiyah seperti al-Mansur, Harun al-Rashid dan al-Ma'mun serta khalifah Andalusia daripada keturunan Abd al-Rahman al-Dakhil menjadi sanjungan.

Sejarah membuktikan antara faktor yang menyumbang kepada kegemilangan kerajaan Abbasiyah (750-1258) dan Andalusia (711-1492) adalah kesungguhan khalifahnya menggalakkan kegiatan intelektual, khususnya dalam bidang falsafah sains dan teknologi. Menerusi penerokaan khazanah ilmu tamadun awal yang muncul di Asia Barat, Laut Tengah (Mediterranean) dan Semenanjung Iberia.

Alexandria, Antioch, Edessa, Nisibis, Jundishapur, Harran, Cordoba, Granada, Beza, Syracuse, Toledo, Xativa, Tilmisan dan Qairawan menjadi sebahagian daripada dunia Islam. Keadaan ini menyediakan bahan yang mencukupi untuk perkembangan ilmu Islam dalam bidang sains dan kesenian.

Khalifah Islam mengarahkan cendekiawan menyelidik khazanah ilmu sedia ada dan menterjemahkan karya agung tamadun ini supaya dapat dikaji oleh umat Islam secara meluas.

Pelbagai prasarana lain yang menyokong pembangunan penyelidikan disediakan seperti Bait al-Hikmah, Dar al-'Ilm dan Madrasah Nizamiyah yang berfungsi sebagai pusat pendidikan, penyelidikan dan tempat pertemuan saintis terulung masa itu yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Kerajaan Islam Abbasiyah dan Andalusia juga menyediakan peruntukan besar untuk tujuan penyelidikan.

Dengan usaha ini, dunia Islam melahirkan ramai tokoh saintis tersohor. Antara mereka yang namanya disebut dan karyanya dikaji hingga sekarang ialah Jabir ibn Haiyan (810), Ibn Masawaih (857), Ibn al-Sahl (868), al-Razi (932), al-Zahrawi (1013), Ibn Sina (1036), Ibn Zuhr (1161) dan Ibn al-Nafis (1288) yang pakar dalam perubatan dan farmasi.

Dalam bidang astronomi dan matematik pula muncul tokoh Islam seperti al-Khawarizmi (846), Abu Ma'shar al-Falaki (885), al-Battani (931), al-Majriti (1004), Ibn Yunus (1008), Ibn Haitham (1038), al-Biruni (1048) dan Ibn Bajjah (1138).

Kejayaan yang dikecapi umat Islam pada zaman ini sememangnya menjadi kebanggaan setiap umat Islam. Namun, kejayaan dan kemenangan lampau bukan semata-mata untuk kita bermegah, tetapi harus dijadikan iktibar dalam usaha mengulangi pencapaian itu. Malangnya, pengalaman sejarah ini disedari dan diikuti bangsa Eropah dalam membangunkan tamadun mereka.

Mereka mengulangi apa yang dilakukan di Bait al-Hikmah dengan menggerakkan usaha penterjemahan karya agung Islam ke bahasa Latin secara besar-besaran. Dengan kejatuhan kerajaan Islam Andalusia terakhir di Granada pada kurun ke-15, mereka memanfaatkan segala khazanah ilmu dunia Islam yang dibina berabad-abad lamanya.

Masih tidak terlewat bagi umat Islam untuk mengambil iktibar daripada pengalaman sejarah ini. Langkah baru mendekati ilmu khususnya berkaitan dengan sains dan teknologi adalah amat penting.

Sesungguhnya, Malaysia sebagai negara Islam yang diiktiraf kebanyakan negara Islam sedang membuktikan sejarah kegemilangan Islam tidak mustahil

untuk diulangi. Sekurang-kurangnya, Malaysia mampu membuktikan pembangunan penyelidikan sains dan teknologi adalah aset utama dalam membangunkan negara yang dihormati dunia.

Tahun ini, Malaysia meraikan ulang tahun kemerdekaan yang ke-46. Dalam usia sesingkat ini, banyak pembangunan dicapai dan dilaksanakan dengan jayanya terutama berkaitan pembangunan penyelidikan sains dan teknologi.

Pelbagai projek mega dilaksanakan dalam usaha meningkatkan kesedaran rakyat mengenai pentingnya sains dan teknologi untuk membangunkan negara. Projek kereta nasional, satelit Malaysia dan pesawat ringan antara produk pembangunan penyelidikan sains dan teknologi yang berjaya dihasilkan.

Perkembangan mutakhir pula menyaksikan kesediaan kerajaan membangunkan penyelidikan teknologi ketenteraannya yang bakal mengeluarkan peluru berpandu jarak dekat dan sederhana untuk mempertahankan diri.

Kesungguhan kerajaan membangunkan penyelidikan sains dan teknologi diteruskan dengan penubuhan institusi penyelidikan sains dan sains angkasa seperti Pusat Sains Negara dan Planetarium Negara. Projek pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) turut dilancarkan dengan pengenalan projek Koridor Raya Multimedia (MSC), Cyberjaya, Putrajaya dan Lembah Bio.

Kerajaan menerusi kementerian berkaitan pula dilihat berperanan penting dalam memupuk minat dan menyemarakkan kegiatan sains dan teknologi rakyatnya seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mewujudkan pelbagai anugerah kepada mereka yang menyumbangkan tenaga dan idea mengenai pembangunan sains dan teknologi.

Kementerian berkenaan juga menyediakan peruntukan kewangan khas untuk penyelidikan sains dan teknologi iaitu Geran Penyelidikan Irpa.

Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia pula menawarkan Anugerah Cemerlang ICT dalam pelbagai kategori. Dalam usaha mengurangkan jurang digital di kalangan rakyat, kementerian menganjurkan pelbagai kegiatan termasuk Minggu ICT Malaysia pada bulan depan sempena mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa MSC yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri. Apa yang lebih menarik ialah kejayaan mendapatkan hak penganjuran Kongres Sedunia ICT ke-16 (WCICT) pada 2008 yang menghimpunkan 3,000 delegasi dari seluruh dunia.

Demi menyemarakkan lagi suasana sains dan teknologi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menerusi Kulliyah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (KICT) mengadakan Persidangan Kebangsaan Mengenai Teknologi Maklumat dan Komunikasi (NCICT) pada Oktober depan.

Persidangan bertema 'Building Knowledge Society: Value Creation Through People, Knowledge and ICT' bakal mengumpulkan kajian terkini mengenai aplikasi ICT daripada pelbagai perspektif.

Sesungguhnya, kejayaan yang dicapai Malaysia adalah hasil daripada keamanan dan keharmonian rakyat pelbagai kaum serta kestabilan politik dan sumbangan yang diberikan oleh empat Perdana Menteri iaitu Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berjaya mengharumkan nama negara pada persada antarabangsa menerusi pemikirannya yang bernas dan terbukti melalui pelaksanaan pembangunan penyelidikan sains dan teknologi yang dapat dilihat dan dinikmati oleh seluruh rakyat.

Penulis adalah pensyarah di Jabatan Sains Perpustakaan dan Maklumat, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)